

# Tanjung Dahan, Kuala Linggi bukan lagi syurga belangkas

UM 5/12/2022 Ms: 32

Oleh HADI AB. MANAP  
dan MUHAMMAD SHAHIZAM  
TAZALI  
utusannews@mediamulia.com.my


**ALOR GAJAH:** Pantai sekitar Tanjung Dahan dan Kuala Linggi dekat sini layak dipanggil 'syurga belangkas' suatu masa dahulu memandangkan rata-rata nelayan di lokaliti berkenaan menjadikan haiwan eksotik itu sebagai punca pendapatan lumayan.

Maka, tidak hairanlah restoran dan kedai makan di sekitar kawasan itu juga banyak menawarkan hidangan unik tersebut, memandangkan belangkas sememangnya mendapat permintaan tinggi dalam kalangan penggemarnya tersendiri.

Bagaimanapun, saban hari, nelayan tempatan mendakwa populasi belangkas semakin merosot, lantas menjejaskan mata pencarian mereka.

Dakwa mereka, ia mungkin disebabkan impak pelbagai pembangunan projek pesisir pantai di situ termasuk penggunaan pukat haram seperti 'bubu hantu' yang jelas mengancam pembiakan spesies berkenaan.

Ketika ditemui *Utusan Malaysia*, pemburu belangkas, Jefri Sulaiman, 53, berkata, sebelum ini kebanyakan nelayan mampu menangkap antara 40 hingga 50



**PESISIR Pantai Tanjung Dahan di Kuala Sungai Baru, Melaka antara kawasan tumpuan nelayan mencari belangkas. - UTUSAN/MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI**

ekor sehari, tetapi kini tangkapan belangkas merosot hanya sekitar 10 hingga 15 ekor sehari sahaja.

Menurutnya, jumlah belangkas yang mendapat jolokan 'predator laut' itu amat berkurangan, walaupun ketika musim air pasang besar, di mana ia kebiasaannya naik ke pesisir pantai.

"Belangkas di sini sangat banyak dan mudah ditemui ke-

tika air pasang besar. Haiwan ini juga mudah ditangkap dengan mencarinya di pesisir pantai atau menggunakan jaring. Namun, sejak kebelakangan ini tangkapan belangkas merosot dengan ketara. Kalau dapat empat atau lima ekor sehari pun sudah dikira bernasib baik.

"Saya tidak pasti punca masalah ini, mungkin disebabkan pelbagai pembangunan projek pesisir pantai termasuk penggu-

naan pukat haram seperti bubu hantu yang mengancam pembiakan spesies berkenaan," katanya ketika ditemui.

Belangkas merupakan sejenis haiwan yang hidup di laut dan paya air tawar, mudah ditangkap di tepi-tepi pantai kerana tidak menggigit.

Tambah Jefri yang sudah lebih 30 tahun menangkap belangkas, untuk perancangan masa depan dia perlu memikir-



**JEFRI SULAIMAN**

kan alternatif lain mencari rezeki, sekiranya populasi hidupan laut itu kian berkurang.

Katanya, permintaan yang tinggi untuk telur dan isi belangkas membuatkan haiwan berdarah biru berkenaan menjadi sumber pendapatan yang amat menguntungkan.

"Selama ini saya membesar kan anak-anak dengan hasil menjual belangkas. Kerja ini adalah sumber mata pencarian yang paling mudah. Kerja sekejap saja dah boleh dapat RM50.

"Namun, situasi sekarang jauh berbeza kerana tidak banyak belangkas yang boleh ditemui di pesisir pantai. Jika keadaan ini berterusan, saya terpaksa turun semula ke laut dengan menumpang bot rakan-rakan," ujarnya.

## Terpaksa catu belangkas untuk santapan pelanggan

**ALOR GAJAH:** Sebuah restoran yang menyediakan masakan berdasarkan belangkas di Kuala Linggi dekat sini terpaksa mencatu bekalan demi memastikan pelanggan yang datang dapat menikmati haiwan eksotik itu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pemilik Restoran Citarasa Belangkas, Azizi Buyaman, 29, berkata, dia terpaksa mengambil langkah tersebut bagi mengelakkan bekalan belangkasnya terputus susulan hasil tangkapan nelayan yang kian berkurangan.

Menurutnya, buat masa sekarang, penyimpanan belangkas secara sejuk beku perlu dibuat untuk mengekalkan kesegaran telur dan isi hidu-

pan laut itu dalam tempoh yang lama.

"Saya tidak mempunyai masalah bekalan sebelum ini kerana ada pembekal tetap menghantar sehingga 100 ekor belangkas sehari. Tetapi, jumlah itu semakin berkurangan walau pun pada musim belangkas naik ke pantai.

"Saya terpaksa menyimpan bekalan untuk memastikan pelanggan yang datang dari jauh berkesempatan menikmati juadah istimewa ini. Saya mengehadkan belangkas yang boleh dipesan berdasarkan jumlah pelanggan, kalau ramai saya akan bagi seekor setengah atau se-ekor.

"Ada konvoi bermotosikal

yang sanggup membawa sendiri belangkas dari luar Melaka selepas saya memberitahu tiada bekalan di kedai. Saya juga pernah dimarahi pelanggan yang mempersoalkan nama Restoran Citarasa Belangkas, tetapi tiada belangkas," katanya ketika ditemui.

Tambah Azizi, dia berusaha sehabis boleh mendapatkan belangkas di sekitar Negeri Sembilan, namun, pernah di sana juga tidak mempunyai lebihan bekalan.

Katanya, harga belangkas kini mencecah RM20 seekor di dorong oleh permintaan tinggi, kekurangan bekalan dan persaingan harga antara pemborong.



**AZIZI** Buyaman menunjukkan bekalan belangkas di Restoran Citarasa Belangkas di Kuala Linggi, Melaka. - UTUSAN/MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI